

03 MAY 1999

Mahathir-Peruntukan

DR MAHATHIR MAHU SISTEM PENTADBIRAN KEWANGAN NEGARA DITELITI

BANGI, 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan meneliti sistem pentadbiran kewangan negara bagi memastikan kelancaran penggunaan dan proses pengeluaran peruntukan untuk pembangunan.

Perdana Menteri berkata langkah ini penting bagi menjana kekayaan dalam usaha kerajaan memulihkan ekonomi.

Dr Mahathir berkata kementerian-kementerian perlu mengkaji sebarang kelambatan yang timbul dalam proses pengedaran peruntukan.

"Amat penting sekali pegawai-pegawai daerah yang berada di penghujung sistem pentadbiran kita menentukan pembayaran dibuat seberapa segera yang boleh bagi memperkayakan rakyat dan negara serta menolong memulihkan kedudukan ekonomi negara," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Pegawai-pegawai Daerah Seluruh Malaysia 1999 di sini.

Dr Mahathir juga berkata tanda-tanda menunjukkan bahawa pada penghujung tahun ini sebahagian daripada peruntukan tidak akan dibelanjakan akibat proses pengeluaran peruntukan yang perlahan.

Dr Mahathir berkata pada bulan pertama tahun ini kerajaan sepatutnya membelanjakan tujuh hingga lapan peratus daripada peruntukan pembangunan tetapi angka itu dijangka tidak akan dicapai kerana ada peruntukan yang tidak dibelanjakan langsung.

Beliau berkata kerajaan mempunyai wang yang cukup untuk dibelanjakan dan wang yang tidak digunakan tidak akan mendatangkan faedah kepada negara.

Katanya kerajaan mempunyai RM80 bilion untuk dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi bukannya mudah untuk menggunakan wang itu.

Dr Mahathir berkata antara sebab proses perbelanjaan begitu rumit ialah birokrasi dan sikap sesetengah pegawai kerajaan termasuk pegawai daerah yang tidak begitu mesra dengan kontraktor.

Katanya bayaran yang dibuat kepada kontraktor untuk sesuatu projek akan menyenangkan banyak pihak termasuk pekerja mereka yang seterusnya akan membelanjakan wang itu.

Beliau meminta pegawai daerah supaya mempercepatkan pelaksanaan projek-projek di bawah bidang kuasa mereka.

-- BERNAMA

MAM AHH AKD